





ARAHAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

BAB 15 PERATURAN PENGIBARAN BENDERA KERAJAAN

Pengibaran Bendera mengikut Peraturan

Bendera Negeri Sabah dan bendera Malaysia merupakan lambang kemerdekaan dan kedaulatan Negeri atau Negara ini. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap Jabatan memelihara dan menjaganya dengan cermat dan penuh berhati-hati di semua tempat dan pada setiap masa.

Pengibaran Bendera mengikut Peraturan

Bendera tersebut hendaklah sentiasa dikibarkan pada masa dan di tempat atau majlis seperti yang telah ditetapkan dengan mematuhi segala peraturannya.




Pengibaran Bendera di Bangunan Kerajaan



Pengibaran Bendera di Bangunan Kerajaan

Bendera Negeri Sabah dan bendera Malaysia hendaklah **dikibarkan di tiang rasmi yang tersedia** di kawasan mana-mana bangunan atau Jabatan mulai 6:00 pagi hingga 6:00 petang pada setiap hari masa kerja biasa.




Pengibaran Bendera di Bangunan Kerajaan

Pengawal keselamatan yang dipertanggungjawabkan bagi menjaga dan memelihara bendera tersebut hendaklah **menaikkan** dan **menurunkan** bendera yang berkenaan **setiap hari**, dan tidak membiarkannya berkibar sepanjang masa sehingga koyak atau warnanya luntur.



Pengibaran Bendera di Bangunan Kerajaan

Bendera yang koyak dan warnanya luntur, hendaklah diganti dengan bendera yang baharu. Susunan untuk pengibaran bendera untuk tujuan ini ialah **bendera Malaysia di sebelah kiri** dan **bendera Negeri Sabah di sebelah kanan** iaitu, dilihat semasa menghadap bendera dan kedudukan bendera membelakangi bangunan.



Pengibaran Bendera mengikut Peraturan


Dalam majlis dan perayaan rasmi yang **mewajibkan** pengibaran bendera tersebut hendaklah dikibarkan mengikut peraturannya. Bagi majlis atau perayaan pada peringkat negeri atau kebangsaan, maka, bendera Malaysia dikibarkan di sebelah kiri, dan bendera Negeri Sabah di sebelah kanan, iaitu kedudukan bendera dilihat semasa menghadap bendera.



Pengibaran Bendera Dua Negeri


Dalam majlis rasmi yang meibatkan dua buah negeri dalam Malaysia **mewajibkan** pengibaran bendera kedua-dua buah negeri yang berkenaan, maka bendera negeri pelawat hendaklah dikibarkan di sebelah kanan dan bendera Negeri Sabah dikibarkan di sebelah kiri, iaitu jika dilihat dari sebelah hadapan.

Pengibaran Bendera Semua Negeri



Dalam majlis rasmi yang melibatkan semua negeri dalam Malaysia, pengibaran bendera neger-negeri yang berkenaan hendaklah mengikut **susunan keutamaan** atau **kekananan** Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri bagi negeri-negeri yang berkenaan.

Pengibaran Bendera Semua Negeri




Susunan keutamaan atau kekananan ini dimaklumkan dari **masa ke masa** jika berlaku perubahan disebabkan kemangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja atau kematian dan atau pertukaran Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri bagi negeri-negeri yang berkenaan.

Pengibaran Bendera Tidak Terbalik

Hendaklah dipastikan bahawa setiap pengibaran bendera **tidak terbalik, terlipat** atau **terturun** dari paras asalnya. Jika berlaku demikian, tindakan membetulkannya hendaklah dilakukan serta-merta.

Pengibaran Bendera Tanda Berkabung

Pengibaran bendera separuh tiang sebagai tanda “**berkabung**” (belasungkawa) hendaklah dilakukan mengikut peraturan berikut:



Pengibaran Bendera Tanda Berkabung

1

Seri paduka baginda yang di-
pertuan agong

2


Seri paduka baginda raja
permaisuri agong

3

Duli yang maha mulia sultan

4

Duli yang maha mulia raja
permaisuri



Pengibaran Bendera Tanda Berkabung

5

Tuan yang terutama yang di-pertua negeri

6


Yang amat berbahagia isteri tuan yang terutama yang di-pertua negeri

7

Yang amat berhormat perdana menteri

8

Yang amat berhormat ketua menteri atau menteri besar



Pengibaran Bendera Tanda Berkabung

5

Tuan yang terutama yang di-pertua negeri

6


Yang amat berbahagia isteri tuan yang terutama yang di-pertua negeri

7

Yang amat terhormat perdana menteri


8

Yang amat terhormat ketua menteri atau menteri besar




Pengibaran Bendera Tanda Berkabung

Pengibaran bendera untuk separuh tiang selain untuk tujuan yang tersebut di sub-arahannya (1), hanya boleh dilakukan atas arahan tertentu daripada pihak Kerajaan Negeri.




Pengibaran Bendera Tanda Berkabung

Cara menaikkan bendera adalah **terlebih dahulu dinaikkan sepenuh tiang** dan kemudiannya diturunkan ke separuh tiang.



Pengibaran Bendera Tanda Berkabung

Semua bendera yang dipasang separuh tiang hendaklah **sama rata tingginya**, iaitu bukan satu lebih tinggi, manakala yang satu lagi berada pada paras terlalu ke bawah.



Pengibaran Bendera Tanda Berkabung

Pengibaran bendera sebagai tanda berkabung dilakukan pada **hari permakaman** atau **pengebumian**.

Sekiranya pengumuman kemangkatan atau kematian dan hari permakaman atau pengebumian adalah berturut-turut, maka pengibaran bendera separuh tiang hendaklah dilakukan selama **dua hari** tersebut.



Pengibaran Bendera Tanda Berkabung

Tempoh pengibaran bendera sebagai tanda berkabung lebih dua hari, hanya boleh dilakukan **tertakluk kepada arahan khas dari Kerajaan Negeri.**

Bagi menepati masa pengibaran bendera tanda berkabung, setiap Jabatan hendaklah berusaha mengibarkan bendera sedemikian walaupun pada **hari cuti am.**



